

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden di dorong industri masa kini dan masa hadapan bagi pembangunan ekonomi negara. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja keras menyertai organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kelayakan</b>
1.	Pengarah Eksekutif (Institut Agro-Bioteknologi Malaysia)  Taraf Jawatan - Kontrak Pakej gaji yang menarik. Elaun Kereta & Petrol juga disediakan.	Deskripsi Tugas:  1. Membantu Ketua Pegawai Eksekutif di dalam pelbagai tanggungjawab yang ditetapkan termasuk rancangan perniagaan, kewangan, sumber manusia dan pentadbiran. 2. Bertanggungjawab ke atas perkembangan penyelidikan dan pembangunan (R & D) di dalam bidang bioteknologi. 3. Merancang, mengenalpasti dan mengutamakan projek-projek, menyelaras pemilihan projek dan mendapatkan kakitangan dan sumber kewangan yang perlu bagi memastikan kejayaan. 4. Memastikan pembangunan yang berterusan dan menyelenggara fasiliti fizikal dan penyelidikan dan perkhidmatan teknikal di Institut. 5. Mewujudkan kerjasama dalam aktiviti R&D dengan para saintis yang berpengalaman atau organisasi penyelidikan antarabangsa dan kebangsaan. 6. Menyediakan perancangan yang menyeluruh bagi mendapatkan sumber kewangan untuk R & D termasuk geran. 7. Lain-lain arahan daripada pihak Pengurusan.  Kelayakan dan pengalaman: 1. Warganegara Malaysia; 2. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang yang berkaitan adalah satu kelebihan; dan 3. Mempunyai tidak kurang dari 15 tahun pengalaman dalam melaksanakan penyelidikan.

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, gaji yang diminta, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**  
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**  
 Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,  
 Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),  
 d/a Ibu pejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.  
 Emel : [recruitment@nibm.my](mailto:recruitment@nibm.my)

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi. **Tarikh tutup permohonan : 17 Mac 2017**